



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH PERTANIAN
TAHUN 2026**

**26 JANUARI 2026 | ISNIN
DEWAN SERBAGUNA KPKM**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini bersempena **Majlis Amanat Ketua Pengarah Pertanian Tahun 2026**.
2. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada hari ini sama ada secara fizikal atau pun yang sedang bersama dengan kita di platform digital. Ia mencerminkan kesatuan tekad, komitmen dan rasa tanggungjawab bersama dalam menjayakan agenda besar jabatan, khususnya dalam memastikan sektor pertanian kekal relevan, berdaya saing dan mampan demi kesejahteraan rakyat.
3. Perhimpunan ini bukan sekadar rutin tahunan, tetapi menjadi medan penting untuk kita menyatukan iltizam, menilai pencapaian serta menetapkan hala tuju strategik jabatan dalam mendepani cabaran sektor pertanian yang semakin kompleks dan dinamik.
4. Saya rasa masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan **Selamat tahun Baharu 2026** kepada semua warga Jabatan Pertanian. Tahun baharu bukan sekadar penanda masa, tetapi ruang refleksi terhadap perjalanan yang telah kita lalui serta medan untuk memperbaharui azam dan iltizam serta memperkukuh Amanah dan

profesionalisme dalam menjayakan aspirasi jabatan membangunkan subsektor tanaman.

5. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Jabatan Pertanian atas komitmen, dedikasi dan pengorbanan sepanjang tahun 2025. Segala pencapaian yang direkodkan adalah hasil usaha kolektif pasukan di semua peringkat daripada penggubal dasar, pelaksana di peringkat bahagian, negeri dan daerah, sehinggalah petugas barisan hadapan yang bekerja dengan penuh disiplin dan tanggungjawab demi memastikan jabatan terus berperanan sebagai tunjang kepada keterjaminan makanan negara.
6. Saya berharap semua kebaikan dan kejayaan yang telah digapai dapat terus diperkasa serta segala kelemahan dan kekurangan yang berlaku dapat dijadikan panduan untuk penambahbaikan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Refleksi Pencapaian dan Cabaran Tahun 2025

7. Pelaksanaan pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2025 bukan sahaja mencerminkan semangat kerja berpasukan yang utuh, malah membuktikan keupayaan jabatan untuk menyesuaikan diri dengan landskap pertanian yang semakin mencabar. Kita berdepan dengan

isu perubahan iklim, ketidakpastian pasaran global, kos input yang meningkat serta jangkaan rakyat yang semakin tinggi terhadap kecekapan perkhidmatan kerajaan.

8. Namun begitu, warga Jabatan Pertanian telah membuktikan bahawa cabaran yang dihadapi bukan alasan untuk kita mengalah, sebaliknya menjadi pemangkin kepada penambahbaikan berterusan dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.
9. Hakikatnya, landskap pertanian masa kini menuntut perubahan pendekatan daripada **kaedah konvensional kepada sistem yang lebih pintar, berasaskan data dan berorientasikan hasil**. Oleh itu, kejayaan pada masa hadapan bukan hanya diukur melalui peningkatan pengeluaran semata-mata, tetapi juga melalui daya tahan sistem pertanian, pendapatan pengusaha serta keupayaan kita memastikan bekalan makanan negara kekal stabil dan mampan.

Warga Jabatan yang dihormati sekalian,

Pengurusan Kewangan

10. Tahun 2025 merupakan tahun penting dalam pelaksanaan **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12)** yang mana ia merupakan tahun terakhir pelaksanaannya dan menentukan sejauh

mana output dan outcome yang telah digariskan dapat dicapai pada akhir RMK12. Sepanjang pelaksanaan RMK12, sebanyak **29 projek** telah dilaksanakan melibatkan **8 Projek Fizikal** dan **21 Projek Bukan Fizikal** dengan keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan berjumlah 336 juta ringgit.

11. Dari sudut pengurusan kewangan, Jabatan Pertanian telah mencatatkan prestasi perbelanjaan yang amat memberangsangkan bagi peruntukan mengurus dan pembangunan. Tahap perbelanjaan yang mencapai dan melepasi sasaran yang ditetapkan mencerminkan kecekapan pengurusan sumber awam, pematuhan kepada prinsip tadbir urus yang baik serta keupayaan merancang dan melaksanakan projek secara berfasa dan berkesan.
12. Lebih penting daripada angka perbelanjaan ialah impak pelaksanaan projek terhadap kumpulan sasar. Projek pembangunan yang dilaksanakan telah memberi manfaat langsung kepada petani, usahawan tani dan komuniti luar bandar melalui peningkatan produktiviti, pendapatan serta akses kepada teknologi dan pasaran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pencapaian Subsektor Tanaman: Sayur-Sayuran dan Buah-Buahan

13. Bagi pengeluaran subsektor tanaman, pencapaian bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran pada tahun 2025 menunjukkan trend yang amat positif. Peningkatan keluasan tanaman, penglibatan peserta serta hasil pengeluaran telah menyumbang kepada peningkatan Kadar Sara Diri (SSR) bagi beberapa komoditi utama negara.
14. Bagi subsektor buah-buahan, Alhamdulillah pengeluaran dan SSR yang direkodkan telah **mencapai sasaran** yang ditetapkan di dalam **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)**. SSR buah pada tahun 2025 merekodkan **80.4%** iaitu peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding 80.1% pada tahun 2024.
15. Pencapaian pengeluaran buah-buahan bagi tahun 2025 jelas mencerminkan kekuatan dan kemajuan sektor pertanian, khususnya subsektor buah-buahan. Durian dan pisang muncul sebagai penyumbang utama dengan keluasan bertanam dan jumlah pengeluaran tertinggi, selari dengan permintaan pasaran yang semakin meningkat di peringkat domestik dan antarabangsa.
16. Pengeluaran tembikai yang memberangsangkan pula menyokong keperluan pasaran tempatan, manakala buah-buahan lain seperti rambutan, betik, jambu batu, nangka dan manggis melengkapkan

kepelbagaian hasil serta menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan negara. Pencapaian ini bukan sahaja membuktikan keberkesanan perancangan dan pengurusan pertanian, malah mencerminkan komitmen petani serta sokongan berterusan kerajaan dalam memperkukuh keselamatan makanan dan memacu pertumbuhan ekonomi agromakanan negara.

17. Bagi subsektor sayur-sayuran pula, pelaksanaan program pengeluaran berfokus, penggunaan teknologi rumah lindungan hujan serta amalan pertanian baik telah membantu meningkatkan hasil dan kestabilan bekalan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import bagi beberapa jenis sayuran terpilih. Walaupun pengeluaran menunjukkan **peningkatan yang signifikan iaitu 1.44 juta tan metrik pada tahun 2025** berbanding 1.34 juta tan metrik pada tahun 2024, tetapi usaha perlu dipertingkatkan bagi memastikan SSR yang disasarkan di bawah DAN 2.0 dapat dicapai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Trend Pengeluaran Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran

18. Sektor buah-buahan di Malaysia menunjukkan prestasi yang stabil dan memberangsangkan dengan **peningkatan pengeluaran**

secara konsisten dari RM1.55 bilion pada tahun 2020 kepada RM2.00 bilion pada tahun 2025. Pertumbuhan tahunan yang direkodkan, khususnya pada tahun 2021 dan 2022, mencerminkan daya tahan sektor ini walaupun berdepan cabaran global. Walaubagaimana pun kadar pertumbuhan mula bergerak perlahan dan semakin mengecil bermula tahun 2023 hingga 2025 yang perlu diberi perhatian serius supaya kita dapat mengenalpasti ruang dan strategi untuk meningkatkan lagi pengeluaran pada masa hadapan.

19. Pengeluaran sayur-sayuran pula memperlihatkan corak yang lebih tidak menentu dengan turun naik ketara sepanjang tempoh yang sama, terutamanya kesan negatif pada tahun 2021 yang berkemungkinan dipengaruhi oleh pandemik COVID-19. Namun demikian, sektor ini menunjukkan pemulihan yang kukuh bermula tahun 2022 dan mencatatkan pertumbuhan paling tinggi pada tahun 2025.
20. Secara keseluruhannya, peningkatan kedua-dua subsektor ini mencerminkan perubahan positif dalam corak permintaan pengguna terhadap produk segar dan berkhasiat. Keadaan ini memberi isyarat jelas bahawa sektor pertanian makanan segar mempunyai potensi besar untuk terus diperkukuh melalui

perancangan strategik, sokongan teknologi dan pengurusan yang mampan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Protokol, Eksport dan Industri Bernilai Tinggi

21. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha memuktamadkan **Protokol Kelapa Muda Segar** bagi tujuan eksport ke China. Pencapaian ini merupakan satu kejayaan besar kepada sektor hortikultur negara kerana ia melibatkan pematuhan ketat terhadap piawaian fitosanitari, keselamatan makanan serta keperluan kebolehesanan yang ditetapkan oleh negara pengimport.
22. Pemuktamadan protokol ini membuktikan keupayaan Jabatan Pertanian untuk berunding secara teknikal di peringkat antarabangsa, di samping memastikan kepentingan pengeluar tempatan terus terpelihara. Lebih penting, protokol ini membuka peluang pasaran baharu kepada pengusaha kelapa tempatan, meningkatkan nilai eksport dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar.

23. Kejayaan pengeksportan durian ke pasaran China, khususnya durian Musang King, merupakan antara pencapaian paling signifikan Jabatan Pertanian pada tahun 2025. **Durian Segar** yang mula dieksport pada tahun 2024 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila sebanyak **3,737 tan metrik** berjaya dieksport dengan nilai sebanyak **189.49 juta ringgit** pada tahun 2025. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan Malaysia dalam pasaran eksport durian di peringkat global, malah mengangkat reputasi durian Malaysia sebagai produk premium di peringkat antarabangsa.
24. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara Jabatan Pertanian, agensi berkaitan, pihak industri serta pengusaha ladang yang komited mematuhi piawaian pensijilan, kebersihan ladang dan keperluan kebolehesanan. Kejayaan ini membuktikan bahawa produk pertanian tempatan mampu bersaing di pasaran global sekiranya disokong oleh ekosistem yang tersusun dan berintegriti.
25. Selain itu, Program Pembangunan Industri Bawang telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Fasa pra-komersial yang dilaksanakan pada tahun 2024 dan 2025 telah membuktikan potensi tanaman bawang tempatan untuk dikembangkan ke peringkat komersial bagi tempoh 2026 hingga

2030. Kejayaan ini bertambah manis apabila buat pertama kalinya pengeluaran bawang tempatan direkodkan dalam Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian terpilih dengan mencatatkan pengeluaran tempatan sebanyak 0.01%.

26. Pembangunan industri ini amat penting dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada import dan memperkukuh keselamatan makanan negara.

Pensijilan myGAP dan myOrganic

27. Pada tahun 2025, pencapaian **pensijilan amalan pertanian baik (myGAP)** menunjukkan prestasi yang positif apabila seramai 3,321 pengusaha telah berjaya memperoleh pensijilan baharu myGAP, manakala 652 pengusaha lagi berjaya memperbaharui sijil, mencerminkan komitmen berterusan terhadap amalan pertanian baik, selamat dan mampan.
28. Dalam masa yang sama, **pensijilan myOrganic** turut mencatat peningkatan apabila 13 pengusaha memperoleh pensijilan baharu, dan 44 pengusaha telah memperbaharui sijil masing-masing. Pencapaian ini membuktikan kesedaran serta kesungguhan para petani dan pengusaha pertanian negara dalam memenuhi piawaian

kualiti, keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar selari dengan keperluan pasaran dan permintaan pengguna.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

**Agenda Reformasi perkhidmatan Awam (ARPA) dan Reformasi
Karenah Birokrasi (RKB)**

29. Seiring dengan usaha memperkukuh sektor pengeluaran makanan, Jabatan Pertanian juga komited untuk menjayakan agenda reformasi perkhidmatan awam yang digariskan oleh Kerajaan bermula pada tahun 2025. Sebanyak **sepuluh (10) ARPA telah dirangka** dan dijayakan pada tahun 2025 dengan satu (1) daripadanya telah dipertimbangkan menjadi ARPA Nasional iaitu **Kerjasama Awam Swasta dalam Kemandirian Komuniti Pertanian**. Reformasi ini bukan sekadar perubahan prosedur, tetapi melibatkan anjakan budaya kerja, pemikiran dan nilai dalam perkhidmatan awam.

30. Pada tahun 2025, jabatan juga telah melaksanakan **Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)** melalui inisiatif pendigitalan dengan memperkenalkan **Sistem Permohonan Pekerja Asing Subsektor Tanaman (eSPPA)**. Inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan adalah melibatkan penukaran penggunaan Borang Laporan Penyiasatan

Permohonan Pekerja Asing bagi subsektor tanaman daripada kaedah manual kepada kaedah digital yang dapat **memendekkan tempoh** penyediaan laporan daripada **14 hari kepada 7 hari**.

31. Sistem ini telah siap dibangunkan dan kini dalam proses penyesuaian sebelum boleh mula digunakan pada **01 Mac 2026**. Penggunaan sistem ini akan dapat memudahkan pihak berkepentingan dalam urusan permohonan pekerja asing bagi subsektor tanaman. Langkah ini menjadikan DOA terkehadapan dalam memudahcara proses permohonan pekerja asing dalam membantu pengusaha pertanian mendapatkan tenaga kerja.

Laluan Kerjaya Pegawai

32. Suka saya memaklumkan bahawa pada tahun 2025, seramai **81 orang warga jabatan telah menerima kenaikan pangkat** sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi, komitmen dan prestasi cemerlang yang ditunjukkan dalam perkhidmatan. Kenaikan pangkat ini melibatkan:

- seorang (1) dari gred G14 ke Gred Utama C,
- empat (4) orang dari G13 ke G14;
- 14 orang dari G12 ke G13;
- 22 orang dari G10 ke G12;
- 30 orang dari G9 ke G10; dan
- 10 orang dari G5 ke G6

yang sekali gus mencerminkan usaha berterusan organisasi dalam memperkasa dan menghargai modal insan yang berkualiti.

33. Saya berharap agar semua pegawai yang dinaikkan pangkat dapat memikul Amanah dan tanggungjawab yang lebih besar dengan penuh integriti, profesionalisme dan semangat berpasukan. Pada masa yang sama, saya juga menyeru agar seluruh warga jabatan terus komited, meningkatkan prestasi dan memperkukuh budaya kerja cemerlang, supaya lebih ramai dapat bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan organisasi serta merebut peluang pembangunan kerjaya pada masa hadapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Hala Tuju dan Tumpuan Tahun 2026

Amanat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

34. Yang Berhormat Menteri melalui amanatnya telah menegaskan bahawa subsektor tanaman akan terus menjadi teras utama dalam usaha kementerian memperkukuh kedaulatan dan keterjaminan makanan negara. Bagi tahun 2026, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan keupayaan pengeluaran tanaman strategik secara mampan, khususnya padi sebagai makanan ruji rakyat, melalui pemodenan pengurusan sawah, penambahbaikan infrastruktur

pengairan dan saluran serta pengoptimuman penggunaan input pertanian.

35. Selain itu, hala tuju kementerian turut merangkumi pembangunan tanaman makanan dan industri bernilai tinggi seperti jagung bijian, bawang dan nanas bagi mengurangkan kebergantungan kepada import serta memperkukuh rantai bekalan domestik. Pendekatan ini akan dilaksanakan secara lebih tersusun dan berskala, dengan penekanan kepada peningkatan produktiviti, peluasan kawasan bertanam yang berpotensi serta penglibatan aktif pengusaha tempatan secara berdaya saing dan mampan.
36. Seiring dengan usaha tersebut, kementerian akan mempercepat penerapan teknologi moden dan pendigitalan dalam subsektor tanaman, termasuk penggunaan sistem berasaskan data dan kecerdasan buatan bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran, mengurus risiko perubahan iklim serta memperkukuh pemantauan tanaman. Melalui pelaksanaan yang berfokus dan berimpak ini, subsektor tanaman diyakini mampu menyumbang secara signifikan kepada keselamatan makanan negara serta menyokong pertumbuhan ekonomi pertanian yang berdaya tahan.

Amanat YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

37. Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam amanatnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh penjawat awam atas komitmen, dedikasi dan pengorbanan sepanjang tahun 2025. Beliau menegaskan bahawa segala pencapaian yang dicapai adalah hasil usaha kolektif jentera kerajaan yang berpaksikan integriti, kesepaduan serta keutamaan terhadap kesejahteraan rakyat, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dan amanat YAB Perdana Menteri.
38. Dalam menyorot pencapaian negara, Yang Berbahagia Tan Sri memaklumkan bahawa prestasi ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan yang memberangsangkan, kadar pengangguran terendah dalam sedekad serta inflasi yang terkawal. Di samping itu, prestasi pelaksanaan projek pembangunan yang tinggi dan kejayaan penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN telah membuktikan keupayaan perkhidmatan awam dalam melaksanakan tanggungjawab secara berkesan. Namun demikian, beliau turut mengingatkan agar aspek kecekapan pelaksanaan dan integriti terus diperkukuh bagi menangani kelemahan yang masih wujud.

39. Bagi tahun 2026, Yang Berbahagia Tan Sri menegaskan bahawa tema “**Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi**” dipilih sebagai hala tuju utama perkhidmatan awam. Tahun 2026 ditetapkan sebagai **Year of Fast Execution, Impactful Results**, yang menuntut kepantasan dalam membuat keputusan, keberanian melakukan perubahan serta keupayaan menterjemahkan dasar kepada tindakan yang memberi impak langsung kepada rakyat. **Empat misi pelaksanaan pantas telah digariskan** sebagai panduan tindakan seluruh perkhidmatan awam.
40. Yang Berbahagia Tan Sri juga menyeru seluruh penjawat awam agar terus memperkukuh nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam setiap tugas yang diamanahkan. Beliau menegaskan bahawa tiada ruang untuk kelewatan atau penangguhan dalam pelaksanaan, dan setiap perancangan mesti disusuli dengan tindakan dan pemantauan serta penyempurnaan yang berdisiplin. Dengan komitmen dan tekad bersama, perkhidmatan awam diyakini mampu terus relevan, diyakini rakyat dan berupaya memacu kemajuan negara.

Tumpuan DOA 2026

41. Melangkah ke tahun 2026, Jabatan Pertanian akan memfokuskan kepada pengukuhan subsektor tanaman secara lebih tersusun,

bersepadu dan berpaksikan hasil. Tumpuan utama adalah untuk meningkatkan produktiviti tanaman strategik negara melalui pemodenan amalan pertanian, pengoptimuman penggunaan input, serta pemantapan sokongan teknikal dan khidmat nasihat kepada petani.

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)

42. Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang bermula pada tahun 2026 akan menjadi landasan strategik baharu kepada usaha transformasi sektor pertanian negara. Di bawah RMK13, Jabatan Pertanian diberikan peranan yang signifikan sebagai agensi pelaksana utama dalam memperkukuh pengeluaran makanan domestik, meningkatkan SSR serta memacu pemodenan sektor pertanian melalui teknologi, inovasi dan pendigitalan.
43. Sebanyak **26 projek telah diluluskan** di bawah RMK13 dengan kos keseluruhan diluluskan sebanyak 336.21 juta ringgit melibatkan 21 projek baharu dan 5 projek sambungan daripada RMK12. Bagi ***Rolling Plan Pertama tahun 2026*** sebanyak **56.3045 juta ringgit** telah diterima oleh Jabatan untuk melaksanakan projek-projek ini.
44. Jabatan akan memastikan setiap projek dan inisiatif di bawah RMK13 dirancang secara berimpak tinggi, berasaskan keperluan

sebenar sektor serta selari dengan prinsip keterjaminan makanan, kemampanan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat. Keutamaan jabatan adalah untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan import, memperkukuh rantai bekalan makanan serta menjana peluang ekonomi baharu kepada petani dan usahawan tani.

Pendigitalan Perkhidmatan DOA

45. Pendigitalan perkhidmatan bukan lagi satu pilihan, sebaliknya merupakan keperluan strategik yang mesti dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian tanpa kompromi. Kaedah kerja konvensional yang perlahan, terpisah dan tidak berasaskan data tidak lagi relevan dalam mendepani cabaran keselamatan makanan negara. Justeru, seluruh warga jabatan perlu menerima hakikat bahawa transformasi digital adalah asas kepada peningkatan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.
46. Seiring dengan usaha pendigitalan, jabatan akan mempercepat penggunaan teknologi digital, sistem maklumat geografi dan analitik data dalam perancangan, pemantauan serta pengurusan tanaman. Pendekatan ini penting bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan risiko pengeluaran serta membolehkan keputusan dibuat dengan lebih tepat dan berasaskan bukti. Dalam masa yang

sama, pembangunan modal insan pertanian akan terus diperkasakan bagi melahirkan pegawai yang kompeten, adaptif dan bersedia mendepani perubahan.

47. Sehubungan itu, mulai tahun ini Jabatan Pertanian akan melaksanakan **Pelan Strategik Pendigitalan Jabatan Pertanian (PSPD DOA) 2026–2030** secara menyeluruh dan berdisiplin. Penggunaan Kecerdasan Buatan dan Data Raya mesti dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah pantas, tepat dan berasaskan bukti. Pendekatan **Whole-of-Government** dan **prinsip Post Quality Control** hendaklah dipatuhi sepenuhnya bagi menghapuskan budaya kerja secara silo serta memastikan setiap sistem yang dibangunkan berkualiti, selamat dan memenuhi piawaian yang ditetapkan.
48. Dalam aspek geospacial, jabatan akan memanfaatkan sepenuhnya **Pelan Induk Geospacial Negara** serta kerjasama strategik dengan agensi pakar nasional seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pusat Geospacial Negara dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Data geospacial, satelit dan penderiaan jauh mesti digunakan secara sistematik dan bersepadu bagi menyokong pemetaan, pemantauan dan analisis subsektor tanaman. Pegawai jabatan perlu meningkatkan keupayaan dan kemahiran dalam

teknologi ini kerana kebergantungan kepada pendekatan lama tidak lagi boleh diterima.

49. Sejak RMK12 dan diteruskan ke RMK13, pelaksanaan inisiatif utama seperti Transformasi GeoTanaman, MakGeoPadi serta penambahbaikan sistem perkhidmatan teknikal akan dipantau secara tegas dan berfokus kepada hasil. Setiap pegawai, sama ada di ibu pejabat mahupun di peringkat lapangan, bertanggungjawab memastikan penggunaan sistem digital secara optimum dan penyediaan data yang tepat serta masa nyata. Tiada ruang untuk sikap sambil lewa atau penanguhan. Kejayaan agenda ini akan menjadi ukuran keupayaan Jabatan Pertanian untuk kekal relevan, berwibawa dan berimpak dalam menjamin keselamatan makanan negara.

Pengukuhan Tadbir Urus dan Budaya Kerja

50. Pada 16 Januari 2026, YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 telah melancarkan *AI Chatbot PaddyChat* yang merupakan inisiatif digital di bawah **Program Pemacu Digital Industri Padi (DX Padi 2025)**. *PaddyChat* merupakan platform pintar berasaskan aplikasi whatsapp untuk interaksi dua hala bagi membantu pesawah mendapatkan maklumat teknikal, nasihat agronomi serta sokongan

keputusan secara lebih pantas dan berasaskan data. Saya berharap inisiatif ini dapat diuar-uarkan bagi manfaat semua pesawah.

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

51. Selain aspek teknikal, saya ingin menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan agenda 2026 amat bergantung kepada kekuatan tadbir urus, integriti dan budaya kerja warga jabatan. Setiap pegawai perlu menghayati prinsip profesionalisme, akauntabiliti dan kerja berpasukan dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Pendekatan kerja yang pantas, berfokus dan berimpak perlu menjadi budaya, bukan sekadar slogan.
52. Jabatan telah membuktikan komitmen tinggi terhadap kecemerlangan dan tadbir urus yang baik melalui pencapaian dua pensijilan, iaitu **MS ISO 9001:2015 bagi Perkhidmatan Pengembangan Pertanian** yang berkuatkuasa dari **28 Oktober 2025 hingga 17 Disember 2028**, dan **MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah** yang diperbaharui dari **18 Disember 2025 hingga 27 Februari 2027**.
53. Pensijilan ini mencerminkan sistem pengurusan kualiti yang mantap, penyampaian perkhidmatan yang berkesan, serta integriti

dan ketelusan dalam pentadbiran, sekali gus membuktikan komitmen seluruh warga jabatan untuk memberikan perkhidmatan terbaik dengan penuh integriti dan profesionalisme.

54. Alhamdulillah, jabatan telah berjaya membangunkan **Pelan Pencegahan Rasuah Jabatan Pertanian (PEMACU DOA) 2026-2030** sebagai kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 yang telah meletakkan asas yang kukuh dalam pembudayaan integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang telus serta bebas daripada rasuah di kalangan warga Jabatan.
55. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Jawatankuasa Pembangunan PEMACU DOA 2026-2030 yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam pembangunan pelan ini. Saya berharap pelaksanaan PEMACU DOA 2026-2030 ini akan meningkatkan lagi pembudayaan tadbir urus yang baik, integriti yang tinggi serta pencegahan rasuah secara menyeluruh di Jabatan Pertanian.

DEEP dan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025

56. Pada suku kedua tahun 2026, pelaksanaan ***Demerit Performance Evaluation (DEEP)*** akan dipanjangkan kepada Ketua Jabatan

sebagai satu mekanisme penilaian prestasi yang lebih berstruktur dan telus. Pelaksanaan DEEP ini berperanan sebagai sistem amaran awal bagi mengesan ketidakpatuhan terhadap prosedur operasi standard serta prestasi yang tidak mencapai tahap ditetapkan, sekali gus membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan secara berperingkat dan berhemah.

57. Selain itu, bermula 1 Disember 2025, **Akta Iltizam kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]** telah mula dikuatkuasakan. Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah mengeluarkan **Pekeliling Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2025** yang menjelaskan pelaksanaan Akta 867 bertujuan menambahbaik struktur tadbir urus dan mengurangkan karenah birokrasi. Oleh itu, saya minta warga jabatan bersedia untuk melaksanakan perkara yang digariskan di bawah Akta dan pekeliling ini.
58. Pelaksanaan inisiatif seperti ARPA, RKB, penguatkuasaan Akta Iltizam serta pengenalan sistem penilaian prestasi baharu seperti DEEP ini menuntut warga Jabatan untuk bekerja dengan lebih cekap, telus dan berorientasikan hasil. Oleh itu, setiap pegawai perlu memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing

dalam menjayakan agenda reformasi ini demi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan awam.

59. Saya juga menyeru agar hubungan strategik dengan agensi berkaitan, pihak swasta, institusi penyelidikan dan komuniti petani terus diperkukuh bagi mewujudkan ekosistem pertanian yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Sinergi inilah yang akan memastikan dasar dan inisiatif yang dirangka dapat diterjemahkan kepada manfaat sebenar di peringkat lapangan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Aktiviti Tumpuan 2026

60. Bagi tahun 2026 saya juga telah menetapkan beberapa tumpuan strategik yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan dengan efisien. Pertama saya ingin memberi tumpuan kepada **pembangunan tanaman berpotensi** yang boleh dibangunkan dalam negara sebagai tanaman yang dapat menggantikan buah-buahan eksport. Lima (5) buah-buahan yang telah disenaraikan Adalah **Limau Besar, Avocado, Jambu, Durian Belanda dan Markisa**. Saya berharap pembangunan buah-buahan ini dapat dilakukan dengan segera pada tahun ini dan dapat dilihat hasilnya menjelang hujung tahun ini.

61. Kedua, saya mahu penelitian semula **kaedah pelaksanaan projek** yang kita amalkan pada masa ini. Saya mahu penelitian dilihat terhadap pendekatan dan model seperti pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi atau mana-mana model lain untuk dilaksanakan dalam projek-projek jabatan. Saya tidak mahu kita hanya kekal dengan kaedah sedia ada yang dilihat perlu ditambah baik pelaksanaannya bagi kelangsungan dan kelestarian projek-projek jabatan. Perkara-perkara ini perlu diambil kira dalam permohonan Projek *Rolling Plan* kedua (RP2).
62. Saya juga mahu jabatan **memperkasakan pembangunan tanah sawah luar jelapang** dan dilaksanakan secara menyeluruh. Untuk memastikan pelaksanaannya lebih tersusun, saya mencadangkan satu **Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Sawah Luar Jelapang** ditubuhkan bagi menyelaraskan keperluan dan penyelarasan pelaksanaan projek bersama agensi dan jabatan teknikal lain sebagai ahlinya. Saya yakin dengan pembangunan yang teratur akan dapat membantu meningkatkan pengeluaran padi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan SSR beras negara.
63. Penekanan khusus juga akan diberikan kepada pembangunan tanaman strategik seperti bawang dan jagung bijian, pendigitalan

pertanian, pengukuhan pasaran eksport, pemantapan keselamatan makanan melalui pensijilan myGAP dan myOrganic serta peningkatan pengeluaran varieti berimpak tinggi seperti kelapa Matag, durian Musang King dan mangga Harum Manis bagi meningkatkan SSR negara.

64. Saya juga ingin memaklumkan bahawa **MAHA 2026** yang bertemakan “**Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan**” akan diadakan pada 28 Ogos 2026 hingga 6 September 2026 di MAEPS, Serdang. Oleh itu saya meminta semua warga jabatan bersedia untuk menjayakan Laman Florikultur yang telah diamanahkan kepada Jabatan Pertanian. Pengisian program dan dekorasi yang menarik perlu disediakan dengan sebaiknya agar pengunjung dapat merasai kelainan pada penganjuran MAHA kali ini.

Cabaran 2026

65. Kita tidak boleh menafikan bahawa tahun 2026 akan terus dipenuhi dengan cabaran bagi sektor pertanian. Cabaran utama adalah melibatkan ketidaktentuan permintaan dan pasaran, kesan perubahan iklim dan cuaca ekstrem, kekangan infrastruktur dan logistik, keperluan meningkatkan pengeluaran bagi mengurangkan import serta cabaran menarik minat golongan muda menceburi

sektor pertanian yang memerlukan tindakan secara holistik dilaksanakan.

66. Tetapi hari ini, saya ingin menarik perhatian semua kepada isu dan cabaran yang berada dalam jabatan yang perlu yang perlu ditangani secara strategik dan bersepadu. Antaranya ialah **kecekapan perkhidmatan pengembangan** yang masih perlu dipertingkatkan bagi memastikan pemindahan teknologi, pengetahuan dan inovasi dapat disampaikan secara berkesan kepada golongan petani.
67. Selain itu, isu **pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** turut memberi kesan kepada keberkesanan pelaksanaan projek pertanian, khususnya dari aspek tadbir urus, pemantauan dan penggunaan sumber yang optimum. Perhatian menyeluruh mengenai keperluan infrastruktur, penyelenggaraan, pengambilan serta prestasi peserta TKPM perlu dibuat bagi memastikan TKPM yang menjadi hub pengeluaran makanan dapat mengoptimumkan pengeluarannya.
68. Di samping itu, tahap **pendaftaran petani yang masih rendah dalam Sistem GeoTanaman** membataskan pengumpulan data yang tepat dan menyeluruh. Keadaan ini seterusnya menjejaskan perancangan serta penggubalan dasar pertanian yang berasaskan

data. Profil petani tidak direkodkan secara lengkap dan terkini juga menyukarkan jabatan dalam menganalisis prestasi subsektor tanaman, sekali gus mengurangkan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

69. Begitu juga penggunaan ***Smart Irrigation Monitoring System (SIMS)*** yang masih rendah dan tidak meluas perlu dilihat semula kaedah terbaik mewar-warkan sistem ini bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru, kita perlu merangka tindakan yang holistik bagi mendepani cabaran-cabaran ini dan menjadikannya sebagai satu peluang untuk diteroka dengan lebih mendalam.

Sasaran Pengeluaran Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran 2026

70. Kita telah menetapkan sasaran bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran bagi tahun 2026. Saya berharap kita semua akan memberi tumpuan dan komitmen untuk memastikan sasaran yang telah ditetapkan bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran dapat dicapai. Saya juga mahu tumpuan dapat diberikan oleh semua negeri dalam meningkatkan sayur-sayuran yang masih rendah SSR iaitu tanaman halia, cili dan kobis. Dengan perancangan awal dan rapi, saya yakin kita mampu mencapai sasaran ini.

Warga Jabatan yang saya kasihi sekalian,

Nasihat dan Harapan

71. Kita kini tidak lagi mempunyai kemewahan untuk kekal dengan pendekatan lama dalam dunia yang bergerak pantas dan semakin kompleks. Dunia tidak menunggu kita bersedia untuk berubah. Kepantasannya menuntut tindakan, dan cabarannya menuntut komunikasi yang jelas, berkesan serta berimpak.
72. Justeru, saya menegaskan bahawa setiap warga jabatan mesti bersedia untuk melangkah keluar daripada zon selesa, memperbaharui cara berfikir dan memperkukuh cara kita berkomunikasi. Dengan tekad yang bersatu dan semangat untuk terus maju, saya yakin kita bukan sahaja mampu menyesuaikan diri dengan perubahan, malah memimpin perubahan demi memastikan jabatan ini kekal relevan dan dihormati.
73. Akhir kata, saya yakin dengan iltizam yang padu, kepimpinan yang berkesan serta komitmen berterusan seluruh warga Jabatan Pertanian, kita mampu melaksanakan tanggungjawab ini dengan cemerlang. Marilah kita melangkah ke tahun 2026 dengan semangat baharu, fikiran yang terbuka dan kesediaan untuk

berubah demi memastikan subsektor tanaman terus menjadi pemacu kepada keterjaminan makanan dan kemakmuran negara.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.